

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB. UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN**  
**BIN AMAN RAZALI**  
**KAWASAN : KUALA NERUS**

**SOALAN:**

**YB. UST. DATUK DR. MOHD. KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI (KUALA NERUS)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keadaan kualiti Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) yang rendah dan nyatakan bilangan kemalangan yang berlaku akibat keadaan jalan yang bermasalah seperti berlubang dan tidak rata.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LPT2 sepanjang 184 kilometer ini telah dibuka secara keseluruhan kepada pengguna pada 31 Januari 2015 lalu.

Kualiti turapan di lebuhraya ini secara umumnya adalah baik dan ia mematuhi spesifikasi teknikal yang ditetapkan. Walaupun begitu kementerian ini telah mengenal pasti beberapa lokasi yang agak beralun atau tidak rata, iaitu di KM276.5, KM280.6 dan KM413.0. Keadaan ini disebabkan jajaran lebuhraya itu dibina di kawasan tanah berpaya yang memerlukan masa untuk proses pemadatan tanah. Masalah jalan beralun itu bukanlah melibatkan kegagalan struktur asas jalan, tetapi ia merupakan satu kecacatan atau 'defect' sahaja dan ia tidak menjejaskan keseluruhan operasi lebuhraya berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek LPT2 ini masih di bawah tanggungan kerosakan oleh pihak kontraktor yang terlibat. Sehubungan itu pihak kontraktor telah dan sedang mengambil tindakan untuk menurap semula lokasi yang terlibat. Keseluruhan kerja-kerja pembaikan tersebut dijangka akan disiapkan dalam tempoh masa terdekat.

Mengenai jumlah kemalangan di LPT2 pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar kes kemalangan yang dicatatkan di LPT2 sejak 1 Februari 2015 hingga 15 Mac 2015 ialah sebanyak 152 kemalangan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 97 kes kemalangan atau 64% disebabkan oleh faktor kecuaiian manusia, 44 kes (29%) berpunca daripada faktor pencerobohan haiwan ternakan / haiwan liar, dan 11 kes lagi (7%) berpunca daripada faktor mekanikal kenderaan. Setakat ini belum ada kemalangan dicatatkan di kawasan LPT2 yang dikenal pasti beralun atau tidak rata (KM276.5, KM280.6 dan KM413.0).

Sekian, Terima Kasih.